

Ruj. Kami : PTG/G/001/JLD. 1 (93)

Ruj. Tuan :

Tarikh : 10 Mei 2012

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG BIL 1/2012

KEPERLUAN SALINAN RESIT CUKAI TANAH SEMASA BERBAYAR BAGI URUSAN PENDAFTARAN URUSNIAGA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seksyen 301A Kanun Tanah Negara menggariskan bahawa pembayaran cukai tanah merupakan salah satu faktor di dalam menentukan kelayakan sesuatu suratcara untuk didaftarkan. Bukti pembayaran hendaklah disertakan sebelum pendaftaran selaras dengan satu keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes **Standard Chartered Bank v Yap Sing Yoke & Ors [1989] 2 MLJ 49** seperti yang dinyatakan oleh Judith Sihombing melalui bukunya National Land Code – A Commentary mukasurat XXIV 125.

3. Amalan pentadbiran tanah buat masa ini mengkehendaki salinan resit cukai tanah semasa berbayar dikemukakan bersama-sama dengan instrumen urusniaga sebagai bukti pembayaran cukai tanah.

4. Secara alternatifnya, keperluan mengemukakan salinan resit cukai tanah berbayar boleh digantikan dengan satu pengesahan yang dicop di instrumen urusniaga yang mengesahkan bahawa cukai telah dibayar. Ini adalah kerana, sistem e-Tanah dapat mengenalpasti samada sesuatu hakmilik tersebut telah menjelaskan cukai semasa atau tidak ketika di peringkat SPOC lagi. Bukti pembayaran dapat dicapai melalui sistem di kaunter SPOC.

5. Bagi menyeragamkan prosedur pengesahan pembayaran cukai tersebut, Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk menurunkan cop seperti Lampiran A dan ditandatangani ringkas oleh kerani SPOC ke atas instrumen urusniaga yang dikemukakan.

6. Pemakaian pekeliling ini adalah bagi memudahkan orang awam yang tidak dapat mengemukakan bukti pembayaran cukai tanah. Salinan resit cukai tanah semasa berbayar masih boleh diterima pakai sebagai bukti pembayaran.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI DAN TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI ARIFIN BIN AWANG)
Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

-norliana ismail pendaftaran-

SENARAI EDARAN:

Pentadbir Tanah,
Pejabat Daerah Dan Tanah,
Daerah Seberang Perai Tengah,
Jalan Betek, Sungai Rambai,
14000 Bukit Mertajam,
PULAU PINANG.

Pentadbir Tanah,
Pejabat Daerah Dan Tanah,
Daerah Seberang Perai Utara,
Bertam,
13200 Kepala Batas,
PULAU PINANG.

Pentadbir Tanah,
Pejabat Daerah Dan Tanah,
Daerah Seberang Perai Selatan,
14200 Sungai Jawi,
PULAU PINANG.

Pentadbir Tanah,
Pejabat Daerah Dan Tanah,
Daerah Barat Daya,
11000 Balik Pulau,
PULAU PINANG.

Pentadbir Tanah,

